



Sukarelawan melakukan pemeriksaan gigi kepada kanak-kanak pada program Pemeriksaan Kesihatan Sahabat Syria di Gombak, semalam.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

700 pelarian Syria sertai program kesihatan

Gombak: Seramai 700 pelarian Syria menyertai program Pemeriksaan Kesihatan Sahabat Syria anjuran Malaysia Life Line For Syria (MLLFS) di sini, semalam, yang memfokus kepada bantuan kemanusiaan untuk mereka yang mendapat perlindungan di negara ini.

Program setahun sekali itu membabitkan pemeriksaan kesihatan dan pemberian ubat secara percuma.

Bagi melancarkan program berkenaan, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan IMAM Response and Relief Team (IMARET).

Beri barang keperluan

Ketua Pegawai Eksekutif MLLFS, Syahrir Azfar Saleh, berkata seramai 80 sukarelawan terbabit dalam program itu yang terdiri daripada doktor, pelajar perubatan dan sukarelawan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

"Kami turut memberi barangan keperluan seperti pakaian terpakai, lampin dan susu bayi kepada pelarian berkenaan," katanya yang ditemui di majlis berkenaan.

Syahrir berkata, MLLFS turut menawarkan pendidikan percuma kepada anak pelarian Syria.

"Kami membuka sekolah dengan menggunakan kurikulum dan sistem peperiksaan antarabangsa di Wangsa Maju, selain memberikan mereka sijil jika mereka berjaya menghabiskan sesi persekolahan itu.

"Ramai dalam kalangan mereka yang ketinggalan dalam pelajaran, malah ada yang tidak boleh membaca dan mengira," katanya.

“**Ramai dalam kalangan mereka yang ketinggalan dalam pelajaran, malah ada yang tidak boleh membaca dan mengira**”

Syahrir Azfar Saleh,
Ketua Pegawai Eksekutif MLLFS